

# Hubungan *al-Mujahadat*, *al-Maqamat*

**P**ENGHAYATAN dalam pelaksanaan pelbagai mujahadah bersama dengan pematuhan semua disiplin ilmu tasawuf bakal menghasilkan kemajuan berperingkat-peringkat dalam proses para *salik* merentasi pelbagai *maqamat* untuk mengenali Allah dengan lebih utuh.

*Al-Maqamat* merupakan kata jamak kepada perkataan *maqam* yang merujuk kepada kedudukan atau tempat tinggal atau tempat berhenti. Sebagai satu istilah khusus dalam ilmu tasawuf, *maqam* merujuk kepada:

- 'Tempat perhentian roh' yang berlabuh dan terus berada di situ sehingga menjadi mantap sempurna, sebelum berpindah pula ke perhentian lain.
- Proses itu berterusan iaitu dari satu perhentian ke perhentian lain bagi melengkapkan proses mengenali Allah SWT.

## PERJALANAN MAQAM

**Al-Imam al-Qushayri** dalam tulisannya yang tersohor dalam bidang tasawuf, *al-Risalah al-Qushayriyyah*, *maqam* itu ialah:

- Perkara yang dilakukan oleh seseorang murid di pelbagai perhentian yang disinggahi seperti pelaksanaan adab dan amalan yang

## bicara tasawuf

Oleh **PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA**  
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



diperoleh daripada guru dan disempurnakan dengan sebaik mungkin.

- Dalam konteks *maqam* ini, seseorang *salik* atau murid akan terus kekal berada padanya untuk satu tempoh tertentu sama ada lama atau sekejap yang tertakluk kepada keupayaan masing-masing.
- *Salik* ini pada setiap masa perlu bermujahadah untuk membersihkan diri daripada segala sifat tercela, sambil menghiaskan diri dengan sifat-sifat terpuji.
- Murid atau *salik* berkenaan tidak akan berpindah ke *maqam* lain, melainkan setelah menyempurnakan penghayatan *maqam* di mana dia sedang berada.

**Sheikh 'Abd al-Halim Mahmud** dalam tulisannya, *Abhath fi al-Tasawwuf* antara lain menjelaskan bahawa antara *maqam* atau perhentian itu ialah taubat yang menyediakan laluan ke *maqam* warak bagi menuju *maqam* zuhud dan ke *maqam* seterusnya.

1 Dalam tradisi pengamalan ilmu tasawuf, seseorang murid pada setiap *maqam* amat perlu menghiaskan dirinya dengan kesabaran dalam

## GLOSARI RINGKAS:

**SALIK:** Seorang yang sudah berada dalam perjalanan kerohanian peringkat demi peringkat, tetapi masih belum mencapai taraf mengenali secara mendalam terhadap Tuhannya.

**RIYADAH:** Latihan, iaitu antara cara untuk membersihkan jiwa dengan maksud untuk sampai atau mendekati Allah SWT.

melaksanakan mujahadah nafsu.

2 Dengan penuh kerelaan perlu menghalang segala perkara yang tidak digemari hawa nafsunya dan sentiasa bersungguh-sungguh melaksanakan pelbagai ibadat yang disyariatkan oleh ajaran Islam.

3 Murid berkenaan juga dengan sehabis kudrat yang dimilikinya mesti menjauhkan diri daripada perkara-perkara tercela dalam pandangan syarak, selain menghiaskan diri dengan sifat-sifat akhlak mulia.

4 Mesti berterusan mengingati Allah SWT melalui amalan zikir yang berterusan, di samping sentiasa memohon keampunan dan rahmat-Nya.

## PENGHAYATAN SATU-SATU MAQAM

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa pencapaian dan penghayatan satu-satu *maqam* tertentu bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan kesungguhan pelaksanaan mujahadah yang luar biasa.

*Maqam* juga adalah aspek atau sifat akhlak mulia dalam ajaran Islam yang mesti disebatkan penghayatannya di dalam diri seseorang Muslim sekiranya

dia ingin menjadi Muslim yang sempurna.

Justeru, di sinilah bertautnya akhlak Islam itu dengan ilmu tasawuf.

**Imam al-Ghazali** misalnya dalam tulisan beliau *Ihya Ulumuddin* mendefinisikan akhlak sebagai gambaran mengenai keadaan atau suasana di dalam jiwa manusia yang sudah berada pada tahap kukuh dan sehati sehingga berupaya memunculkan perlakuan secara mudah dan spontan, tanpa perlu berfikir dan membuat pertimbangan.

Akhlak menurut ulama itu, lebih merujuk kepada keadaan atau suasana yang terdapat dalam jiwa seseorang, bukannya perbuatan yang terpamer di permukaan diri pelakunya.

Oleh itu, sebahagian daripada isi kandungan ilmu tasawuf itu ialah penghayatan akhlak mulia yang terlaksana menerusi penghayatan *maqam*. Dan oleh kerana pengutusan Rasulullah SAW membawa misi utama untuk menyempurnakan akhlak mulia, seperti terungkap dalam sebuah hadis yang bermaksud "Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang baik dan mulia."

Di sini jelaslah bahawa ilmu tasawuf merupakan sebahagian daripada perkara yang wajib dipelajari dan dihayati, sekurang-kurangnya aspek penghayatan akhlak oleh setiap Muslim yang tidak mahu kehilangan jati diri sebagai Muslim sempurna.

SETIAP ahli sufi perlu melalui perhentian atau *maqam* yang perlu dihiasi dengan kesabaran dalam melaksanakan mujahadah nafsu. - GAMBAR HIASAN

## Fahami al-Quran dengan mudah

**O**RANG ramai dipelawa untuk menambahkan pengetahuan mengenai kitab Allah dalam program *Understanding al-Quran: The Easy Way* yang bakal dilangsungkan di PNB Perdana Hotel & Suites, Kuala Lumpur, Sabtu ini.

Program bermula pada pukul 9 pagi hingga lima petang itu bakal dikendalikan

oleh penceramah antarabangsa, Md. Shahidul Haque yang juga profesor madya di Universiti Chittagong, Bangladesh.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi Setiausaha Media Masjid Asy-Syakirin KLCC, Hassim Sharudin (012-6843194) atau layari <http://quraneasy.almuhsinin.net> untuk pendaftaran.



## UNDERSTANDING QURAN THE EASY WAY WITH MD SHAHIDUL HAQUE

ASSOCIATE PROFESSOR DEPARTMENT OF COMMUNICATION & JOURNALISM, FACULTY OF SOCIAL SCIENCES, UNIVERSITY OF CHITTAGONG, BANGLADESH

30% words of the Quran in just 12 Hours

You will learn:  
• How to read the Quran with ease  
• Why you should read the Quran  
• How to understand the Quran

Commitment Fee

Only RM21 (100% refund)


Days: PNB Perdana Hotel & Suites  
Time: 9:00 am - 5:00 pm

Registration:  
• Subject: RM 2000  
• Materials: RM 1000  
• Lunch: RM 1000  
• Total: RM 4000

Refund:  
• Breakfast and Lunch will be provided

For more information, visit <http://quraneasy.almuhsinin.net>

COME AND JOIN US! DON'T MISS THE CHANCE!



AL-RISALAH AL-QUSHAYRIYYAH